

Abdullah umum 'esok atau lusa'
Malaysiakini.com
Oct 6, 2008
Fauwaz Abdul Aziz

Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan membuat pengumuman dalam tempoh 48 jam sama ada akan bertanding atau tidak sebagai presiden Umno.

"Saya akan tentukan esok atau Rabu," katanya hari ini selepas mempengerusikan mesyuarat Panel Penasihat Antarabangsa Bioteknologi di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC).

Keputusan yang dinanti-nantikan itu mula dimaklumkan selepas satu mesyuarat tergepar Majlis Tertinggi (MT) Umno penghujung bulan lepas.

Banyak pihak menjangkakan perdana menteri tidak akan mempertahankan jawatan nombor satu Umno apabila beberapa pemimpin, termasuk seorang ahli MT dan ketua bahagian, mencalonkan diri untuk jawatan timbalan presiden baru-baru ini.

MT juga menangguhkan mesyuarat agung dan pemilihan Umno, yang asalnya dijadualkan Disember ini, ke Mac tahun depan.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/90769>